



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)

**PETRA SERAH DUA PROJEK RTB BERNILAI RM107.2 JUTA YANG
TELAH SIAP SEPENUHNYA KEPADA KERAJAAN SARAWAK**

KUCHING, 13 APRIL 2026 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) secara rasmi menyerahkan dua (2) projek tebatan banjir yang telah siap sepenuhnya kepada Kerajaan Sarawak dengan nilai berjumlah **RM107.2 juta**.

Projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merangkumi:

- **Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Stakan dengan kos RM10 juta**
- **Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibul Fasa 3 dengan kos RM97.20 juta**

Pelaksanaan **RTB Stakan** bertujuan menangani isu banjir kilat dan bermusim di kawasan lembangan Sungai Stakan susulan tekanan terhadap sistem saliran sedia ada akibat peningkatan pembangunan di sempadan Kuching dan Samarahan. Melalui pendekatan kejuruteraan bersepadu, projek ini berjaya meningkatkan kapasiti aliran dan kawalan air secara lebih berkesan dan memberi manfaat perlindungan kepada 5,000 penduduk di kawasan tersebut, sekali gus mengurangkan risiko kerosakan harta benda akibat bencana banjir.

RTB Sibul Fasa 3 pula dibangunkan khusus bagi menangani cabaran geografi rendah Bandar Sibul yang terletak di pertemuan Batang Rajang dan Batang Igan. Kawasan ini terdedah kepada limpahan air, khususnya semasa hujan lebat berlaku serentak dengan fenomena air pasang besar. Projek ini turut mengambil kira faktor tanah gambut yang tebal bagi

menangani masalah mendapan tanah (*ground subsidence*) secara berkesan.

Dengan siapnya projek ini, risiko kejadian banjir di kawasan Sibul dapat dikurangkan secara signifikan dan memperkukuhkan kesejahteraan rakyat bagi memastikan kelangsungan aktiviti sosioekonomi setempat.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kelestarian pelaksanaan projek-projek infrastruktur negara. Usaha ini bertujuan memastikan impak yang maksimum demi kesejahteraan rakyat dan merangsang ekonomi Sarawak, di samping mengurangkan kerugian harta benda, kerosakan kemudahan awam, serta mengelakkan risiko kehilangan nyawa akibat banjir. Langkah ini selaras dengan aspirasi kerajaan Malaysia MADANI dalam memperkukuh daya tahan negara terhadap perubahan iklim dan bencana alam demi kelangsungan hidup rakyat yang lebih berkualiti.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
13 April 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA



PETRAMALAYSIA

